



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEMAKIN MENDAPAT PENYERTAAN RAKYAT**

**LABUAN, 7 Jun 2020** – Lawatan saya ke Projek Industri dan Sederhana (IKS) bagi perusahaan ikan bilis di Kampung Bebuloh, Wilayah Persekutuan (WP) Labuan memberikan gambaran yang jelas bahawa perusahaan ini mempunyai potensi yang besar untuk berkembang maju seperti yang terdapat di negeri Sabah.

Perusahaan bilis dan produk bilis di Labuan semakin berkembang semenjak tahun 2018 apabila kaedah penangkapan ikan bilis secara bagang diperkenalkan. Pada awalnya hanya seorang pengusaha sahaja yang berkecimpung dalam perusahaan bilis ini, namun lama-kelamaan perusahaan bilis secara bagang berjaya menarik minat lebih ramai warga Labuan untuk diperkembangkan. Sehingga ke hari ini terdapat lima belas (15) pengusaha bilis yang menggunakan kaedah bagang dan dua (2) orang lagi yang menggunakan kaedah pukot jerut di WP Labuan.

Kini perusahaan bilis di WP Labuan memberikan hasil yang sangat lumayan kepada pengusahanya sehingga mendapat hasil tangkapan yang banyak di antara 30kg sehingga 50kg sehari. Malah produk ikan bilis yang dihasilkan oleh warga tempatan bukan sahaja dipasarkan di WP Labuan malah mendapat sambutan dan permintaan yang tinggi dari Semenanjung Malaysia. Antara produk ikan bilis yang dikomersialkan ialah sambal ikan bilis yang juga dikenali sebagai Humey dan sambal ikan kekek.

Aktiviti-aktiviti projek pengusaha-pengusaha bilis dan tuna telah menjadi satu industri besar yang mana telah mewujudkan lebih 100 peluang pekerjaan dalam tempoh yang singkat dengan penjana ekonomi berjumlah RM200,000.00 sebulan. Pada tahun 2018, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Perbadanan Labuan (PL) telah membantu pengusaha-pengusaha bilis dengan memberikan modal pembinaan bagang di Labuan supaya perusahaan bilis menjadi lebih komersial. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan, kebanyakan struktur bagang di WP Labuan mengalami kerosakan teruk akibat ribut. KWP melalui Perbadanan Labuan telah memperuntukan bantuan sebanyak RM100,000.00 bagi membiayai kerosakan bagang supaya pengusaha bilis boleh beroperasi semula seperti biasa. Pada masa yang sama pihak KWP juga sedang mengusahakan agar mana-mana pengusaha ikan bilis mendaftar dengan platform digital seperti Shopee untuk mengembangkan perniagaan atas talian mereka selaras dengan pasca covid.

Manakala, perusahaan produk berasaskan ikan tuna yang sedang berkembang maju di WP Labuan perlu di tambah lagi pengusahanya. Buat masa sekarang terdapat lima (5) pengusaha yang aktif dalam perusahaan produk berasaskan ikan tuna di WP Labuan. Antara produk-produk yang dihasilkan oleh mereka adalah seperti tempura tuna, sambal tuna, sate tuna madu, burger tuna, serunding, popiah tuna dan bebola tuna. Pemasaran produk ini telah menembusi seluruh Malaysia dan juga dipasarkan di pasaran tempatan. Jumlah pendapatan bulanan mereka dianggarkan mencapai RM1,325.00 hingga RM19,500.00 sebulan. Dengan ini, pihak Perbadanan Labuan akan memberikan peruntukan pembungkusan baru produk-produk ikan tuna supaya produk ini mempunyai *branding* yang lebih menarik sebagai strategi pemasaran untuk menembusi pasaran antarabangsa. Juga, PL akan mengadakan latihan dan seminar-seminar perniagaan digital untuk meningkatkan promosi produk-produk dan meluaskan pasaran. KWP dan PL sedang berusaha untuk bekerjasama dengan Shopee Malaysia untuk membantu usahawan IKS di WP Labuan memajukan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi selaras dengan usaha-usaha Kerajaan pasca Covid 19.

Saya berharap agar lebih ramai lagi rakyat WP Labuan, khususnya golongan muda untuk menceburi bidang keusahawanan IKS baik dalam sektor penternakan, pertanian mahupun perikanan. Langkah proaktif semua pihak dengan kerjasama pihak Kerajaan akan dapat menghasilkan pelbagai produk keluaran Labuan yang berpotensi tinggi untuk kegunaan sendiri mahupun sebagai produk jualan. Secara tidak langsung, perusahaan IKS ini dapat memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

**YB Tan Sri TPr Annuar Bin Hj. Musa**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**7 Jun 2020**